

Mereka dapati lawatan ini sungguh bermanfaat dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di atas hadiah tersebut.

-----

#### KELAB SAHABAT PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Dalam bulan Mac, 1983, Bahagian Pinjaman, Perpustakaan Negara Malaysia telah mengasaskan Kelab Sahabat dan sehingga kini berjaya menarik 50 orang ahli. Untuk seketika aktiviti dan kegiatan Kelab Sahabat ini terhenti tetapi mula bergerak cergas selepas Oktober, 1984.

Penubuhan Kelab Sahabat ini bertujuan untuk mengeratkan perhubungan dan persahabatan di antara pembaca dan kakitangan perpustakaan. Di samping itu, menggalakkan kerjasama di antara pembaca dan kakitangan perpustakaan dalam mengendalikan tugas dan aktiviti-aktiviti Bahagian Pinjaman secara sukarela. Selain dari itu, Kelab Sahabat juga mengadakan aktiviti-aktiviti tambahan untuk tujuan pelajaran dan rekreasi.

Di antara aktiviti yang diadakan dan yang menarik minat utama ialah ceramah, forum dan dialog mengenai topik semasa atau bidang-bidang yang diminati. Secara purata, 2 aktiviti dijalankan dalam sebulan. Di samping itu, beberapa aktiviti lain juga diadakan mengikut keperluan dan permintaan. Di antaranya termasuklah pertandingan mengarang/syarahan/perbahasan/permainan; lawatan sambil belajar ke tempat-tempat yang berfaedah dan aktiviti kebudayaan.

Kelab Sahabat juga menerbitkan risalah 2 kali setahun. Risalah yang diberi nama "Sudut Kesah" memuatkan berita mengenai kegiatan-kegiatan kelab, hasil-hasil karya penulisan atau sumbangan kreatif daripada ahli-ahli.

Kegiatan dan aktiviti Kelab Sahabat dikendalikan keseluruhannya oleh satu jawatankuasa yang terdiri dari ahli-ahli Kelab dan seorang wakil Bahagian Pinjaman sebagai penasihat dan penggerak kegiatan Kelab.

Keahlian Kelab Sahabat adalah percuma dan terbuka kepada semua pembaca berdaftar Perpustakaan Negara Malaysia yang berumur 13 tahun ke atas. Kepada pembaca yang berminat menjadi ahli Kelab Sahabat bolehlah mendaftar melalui Penasihat Pembaca di Bahagian Pinjaman, Perpustakaan Negara Malaysia.

RATTAN : A BIBLIOGRAPHY

In conjunction with the Rattan Seminar, 1984, a bibliography on rattan was produced for distribution at the Seminar by the Library, Rattan Information Centre, Forest Research Institute, Kepong.

Some 486 entries covering all aspects of rattan were listed, which comprised the collection of the Rattan Information Centre, AGRIS database, abstracts and other bibliographies and references quoted in texts. The items in the collection of the Rattan Information Centre are indicated by an \* in front of the entry. Part of the bibliography is annotated.